

**PERSEPSI PELAJAR TAHUN 4 PTK (KEJURUTERAAN AWAM/ MEKANIKAL/ ELEKTRIK/
KEMAHIRAN HIDUP) TERHADAP PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH
PELAJAR DARI ASPEK JERI DI FAKULTI PENDIDIKAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Hassan Bin Hushin & Noorhayati Binti Kosen
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar daripada aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan intelek (JERI). Kajian ini melibatkan 136 orang pelajar tahun empat PTK sesi pengajian 2008/ 2009 yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/ Jentera/ Elektrik/ Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah soal selidik yang mengandungi 38 item soalan. Data yang diperolehi di analisis secara deskriptif. Aspek yang dikaji melibatkan empat perkara utama iaitu untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar daripada empat aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Analisis mengikut item dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciene*) Versi 12.0. Hasil analisis mengikut item diterjemahkan dalam bentuk kekerapan dan peratus. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan persepsi pelajar terhadap program pembangunan yang paling menjadi keutamaan bagi pelajar adalah daripada aspek Intelek, diikuti daripada aspek Jasmani, manakala aspek Emosi menjadi pilihan seterusnya dan akhir sekali pelajar telah memilih aspek Rohani. Kajian ini juga mengemukakan beberapa cadangan bagi penyelidikan pembangunan pelajar selanjutnya.

Abstract: This research studies the perceptions of student's moral development programs, regarding the physical, emotional, spiritual and intellectual aspect. The study involved 136 fourth year students enrolled in session 2008/ 2009 of the Bachelor of Technology with Education (Civil Engineering/ Mechanical/ Electrical/ Living Skill) in the Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. The instrument of this study used a set of questionnaire consisting of 38 items as data collecting instrument. The data was analyzed descriptively. Through the descriptive analysis mechanism the collected data has been analyzed in order to identify the student's perceptions regarding the physical, emotional, spiritual and intellectual aspect. Data collected was analyzed with SPSS version 12.0. The result was translated into the frequency and percentage form. From the result of this study, the student's view that physical, emotional, spiritual and intellectual aspect are important in student moral development program. This study also suggest the proposals for the further development research.

Katakunci: aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan intelek (JERI), program pembangunan sahsiah pelajar

Pengenalan

Matlamat program pembangunan pelajar UTM adalah untuk melahirkan graduan yang cemerlang dari aspek akademik, akhlak dan sahsiah di samping menanamkan semangat patriotisme dan bersedia membantu masyarakat (Mohd Zulkifli, 2001 dalam Shaikh Mohd Saifuddeen, 2001).

Proses pembangunan pelajar dilakukan dengan menggunakan pendekatan bersepadu. Kesepaduan semua Fakulti, Unit Aktiviti, Kolej- kolej Pelajar bersama persatuan pelajar yang berusaha membina sahsiah dan pemikiran pelajar yang cemerlang bukan sahaja daripada perspektif akademik bahkan juga daripada

perspektif akhlak dan kepimpinan. Oleh itu pembangunan itu haruslah seimbang dalam segala bidang dan pembangunan haruslah merupakan perancangan yang menyeluruh dan bersepadu.

Penyataan Masalah

Perlaksanaan program pembangunan sahsiah pelajar merupakan aktiviti yang penting dalam usaha melahirkan mahasiswa yang berkualiti dan berwawasan berasaskan keseimbangan dan keharmonian dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang berteraskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Bagi mencapai matlamat ini, sewajarnya aktiviti yang mampu menjana kepimpinan dan sahsiah dijalankan. Antara aktiviti adalah aktiviti berpersatuan, sukan, rekreasi, budaya, khidmat masyarakat, ceramah, seminar, seni mempertahankan diri dan pasukan beruniform serta lain- lain lagi yang bersesuaian dengan matlamat universiti.

Oleh sebab itu, persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar amat wajar dan perlu dikaji di Universiti Teknologi Malaysia. Dengan ini kita dapat melihat dengan lebih mendalam kepentingan program pembangunan sahsiah pelajar terhadap universiti bagi melahirkan pelajar yang berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan melalui institusi kemahasiswaan. Justeru itu kajian ini akan memfokuskan kepada persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Aspek- aspek yang akan dilihat dalam kajian secara khusus adalah seperti berikut :

- I. Menenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di UTM dari aspek Jasmani.
- II. Menenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di UTM dari aspek Emosi.
- III. Menenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di UTM dari aspek Rohani
- IV. Menenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di UTM dari aspek Intelek.

Kepentingan Kajian

“Malaysia boleh berbangga kerana mempunyai universiti yang berteraskan sains dan teknologi yang telah menempa nama di persada dunia. UTM telah membuktikan mampu mencapai banyak kecemerlangan dalam masa yang singkat. Namun bukan mudah untuk menguruskan para golongan cerdik- pandai dan ilmuan yang bijak lagi bestari (Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, 2007). Pelbagai strategi yang dijalankan banyak bergantung kepada modal insan yang sedia ada dan yang akan di lahirkan. Pembangunan modal insan merupakan agenda terpenting dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK- 9). Amatlah diharapkan dapatan kajian ini akan dapat memberi impak yang besar terhadap perkembangan program-program lain pembangunan sahsiah pelajar dalam menyediakan program- program yang menepati kehendak pelajar itu sendiri. Dengan ini, pelaksanaan program pembangunan sahsiah pelajar adalah tidak sia- sia.

Hasil kajian ini di harapkan akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak :

I. Memberi sumbangan dan panduan kepada staf atau kakitangan pihak universiti dalam melaksanakan dan penambahbaikan program- program pembangunan sahsiah pelajar yang sedia ada dan yang akan lahir pada masa akan datang.

II. Memberi sumbangan dan panduan kepada HEP dalam meningkatkan peranan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar, merancang dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pelajar dan melaksanakan amanah pembangunan sahsiah pelajar.

III. Menerapkan kesedaran kepada pelajar tentang betapa pentingnya melibatkan diri dalam program pembangunan sahsiah pelajar yang dilaksanakan.

IV. Memberi sumbangan dan panduan dalam perbincangan Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan (NASDEC 2008).

Skop Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di Universiti Teknologi Malaysia dari aspek :

- i. Jasmani
- ii. Emosi
- iii. Rohani
- iv. Intelekt

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar- pelajar tahun 4 sesi pengajian 2008/ 2009 yang sedang mengikuti program- program berikut :

- i. Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)
- ii. Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik)
- iii. Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal)
- iv. Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)

Jumlah responden yang terlibat adalah seramai 136 orang daripada 441 orang taburan responden mengikut kursus.

Instrumen Kajian

Soal selidik ini digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Soal selidik ini dibina sendiri oleh pengkaji dan pembinaan soal- selidik ini adalah berdasarkan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Wolf (Ahmad Nawawi, 2007).

- 1. Responden dapat membaca dan memahami item- item dalam soal selidik dengan baik.
- 2. Responden mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item- item dalam soal selidik
- 3. Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A berkaitan dengan latar belakang responden dan bahagian B pula mempunyai 38 item- item yang berkaitan dengan persepsi pelajar daripada Jabatan Teknikal dan Kejuruteraan (SPA, SPE, SPJ, SPH) terhadap program pembangunan pelajar di Fakulti Pendidikan. Dalam bahagian B, setiap item dalam soal selidik menggunakan Skala Likert yang berbeza bagi menunjukkan rajah persetujuan responden. Responden hanya perlu menyatakan setuju atau tidak terhadap semua item- item yang dikemukakan (Muhammad Nazim, 2007).

Pada bahagian B, soal selidik mengandungi 38 item soalan dan soalan- soalan ini dibina sendiri oleh pengkaji yang mementingkan spek- spek yang hendak dikaji. Bagi memudahkan data analisis, bilangan item soalan yang dibina dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut spek yang dikaji.

Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrument (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003). Untuk tujuan ini, penyelidik telah mengambil item- item kajian yang lepas yang mana ia telah disahkan kebolehpercayaan dan diubah mengikut kesesuaian tajuk kajian penyelidik. Penyelidik juga telah menambah soalan- soalan yang difikirkan perlu dan sesuai bagi kajian ini. Ianya membolehkan penyelidik mengenalpasti kekurangan item soal selidik dan instrument kajian dalam membuat beberapa perubahan. Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrument, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sample dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrument kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan.

Perbincangan

Mengenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di UTM dari aspek Jasmani.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, persetujuan responden dengan Program Pembangunan Sahsiah daripada aspek jasmani berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min 4.05. Ini memberikan gambaran bahawa pelajar merasakan program pembangunan sahsiah pelajar yang menekankan aspek jasmani perlu diberi keutamaan didalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Kebiasaannya program yang terlibat adalah program sukan dan riadah. Menurut Jamaludin *et. al.* (1996), penekanan terhadap program pembangunan sukan dan riadah mempunyai dua objektif utama, iaitu untuk melahirkan kecemerlangan sukan diperingkat institusi pengajian tinggi dan untuk menanamkan kesedaran pentingnya menjaga kesihatan seumur hidup.

Secara ringkasnya dengan mengikuti program- program pembangunan sahsiah pelajar dapat merangsang pelajar- pelajar untuk melakukan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu disamping membina sikap yang betul yang dapat membentuk akhlak keperibadian yang baik supaya kita beroleh hasil yang diharapkan. Walaubagaimanapun, keseimbangan aktiviti pelajar dengan mengambil kira kepentingan aspek- aspek seperti JERI perlu diwujudkan bagi memastikan aktiviti yang dijalankan adalah menyeluruh dan bersepadu. Menurut Abdul Jalil Borham (1996), pembangunan manusia merangkumi perangai, sikap, motivasi, kemampuan mental, fizikal dan sebagainya. Oleh itu kita perlu memberikannya ilmu, ketrampilan dan sikap yang positif terhadap apa juga usaha yang hendak dilaksanakan. Pembentukan sikap yang positif ini adalah untuk meningkatkan jiwa manusia dari peringkat yang paling rendah (nafs al- ammarah) kepada peringkat pertengahan (nafs al- lawwamah) dan akhirnya ke peringkat yang paling tinggi.

Daripada hasil kajian yang dijalankan, seramai 126 orang pelajar (92.6%) menyatakan aktiviti kokurikulum seperti trekking yang dijalankan mampu menjadikan seseorang pelajar itu lebih aktif dan produktif. Ini bermakna program yang melibatkan kesihatan jasmani mampu menarik minat para pelajar untuk melibatkan diri dalam program berkenaan. Begitu juga dengan aktiviti sukan dan riadah yang kerap dijalankan di kolej kediaman seperti Program Sukan Antara Kolej Kediaman Pelajar (SUKAM). Program sebegini bukan sahaja mampu menarik penglibatan para pelajar malahan dapat membentuk kekuatan jasmani pelajar kerana perlaksanaannya yang sejajar dengan matlamat universiti.

Menurut Jamaludin Mohamad (1996), program pembangunan sukan dan riadah merupakan aktiviti yang popular di kolej kediaman. Aktiviti ini mudah dikendalikan kerana kebanyakan kemudahan asas sukan dan riadah telah disediakan seperti gelanggang permainan, padang, kemudahan rekreasi dan kelab seni mempertahankan seni. Oleh itu, pengendalian aktiviti ini tidak melibatkan kos malah memberikan pulangan yang tinggi kepada pelajar dari segi kesihatan, kecergasan dan daya kepimpinan dalam aktiviti berkumpulan. Contohnya seperti di Kolej Rahman Putra mengadakan kejohanan tertutup beregu campuran badminton yang berlangsung pada 28 Februari hingga 1 Mac 2009 (Laporan Bulanan JKM KRP, edisi Februari 2009).

Selain itu, dari fail Pelbagai Aktiviti Pelajar Fakulti Pendidikan (2008), aktiviti seperti Program Bina Insan Guru yang bermula 24/ 11/ 09 dan berakhir pada 3 /12/ 09 dianjurkan oleh fakulti pendidikan terhadap pelajar- pelajar tahun akhir fakulti pendidikan dilihat memainkan peranan yang penting disamping mampu meningkatkan tahap kesihatan dan kebersihan diri pelajar. Ini kerana aktiviti- aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini adalah menyeluruh dan bersepadu. Kesepaduan yang dimaksudkan adalah supaya aspek fizikal, mental, moral dan spiritual dibangunkan serentak untuk menghasilkan insan yang benar- benar sepadu kehidupannya. Bukan itu sahaja, walaupun terdapat aktiviti seperti permainan sukan yang sudah menjadi rutin harian pelajar tetapi dengan adanya program sebegini dapat membentuk kekuatan akal dan ketahanan fizikal pelajar. Pelajar juga di dedahkan dengan ilmu pengetahuan melalui kursus tentang sesuatu sukan yang mampu meningkatkan kefahaman pelajar. Antara contoh aktiviti yang dijalankan dalam program ini adalah seperti '*water confident*', senaman aerobik, '*amazing race*', malam kebudayaan, '*solo night*' dan lain- lain lagi. Program sebegini wajar di sokong oleh semua pihak termasuk pihak penganjur dan pelajar- pelajar yang terlibat. Ini kerana secara tidak langsung dapat memupuk nilai- nilai murni, berdisiplin, keperibadian luhur dan semangat berpasukan yang tinggi.

Ringkasnya pembangunan manusia merangkumi perangai, sikap, motivasi kamampuan mental, fizikal dan sebagainya. (Abdul Jalil Borham, 1998). Menurut Jamaludin *et. al.* (1996), aktiviti- aktiviti sukan dan riadah yang kerap dijalankan di kolej kediaman ialah Program Sukam Antara Kolej Kediaman Pelajar (SUKAM), Pertandingan Sukan Tertutup Kolej, Perkhemahan di pusat- pusat rekreasi dan seumpunya. Seramai 124 orang responden (91.2%) bersetuju bahawa aktiviti sukan yang dianjurkan oleh pihak kolej seperti Sukam dapat meningkatkan tahap kesihatan pelajar.

Oleh itu, jelas secara keseluruhannya, pihak fakulti, kolej atau pihak- pihak yang bertanggungjawab seharusnya menyediakan program pembangunan sahsiah pelajar yang menekankan aspek jasmani seperti aktiviti sukan, kokurikulum, kursus yang dapat membina ketahanan fizikal meningkatkan tahap kesihatan jasmani pelajar. Pelajar- pelajar tahun 4 PTK yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan.

Mengenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di UTM dari aspek Emosi.

Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, persetujuan responden dengan program pembangunan sahsiah pelajar terhadap aspek emosi berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min 4.02. Ini menunjukkan pelajar bersetuju terhadap penekannya dari aspek emosi dalam program

pembangunan sahsiah serta memberikan gambaran bahawa pelajar memerlukan pendedahan kepada program pembangunan yang dapat membina serta menstabilkan emosi pelajar serta dapat menjadikan pelajar lebih matang. Bersesuaian dengan Azizi Yahaya *et. al.* (2005) yang menyatakan bahawa proses penyesuaian yang dilalui oleh manusia adalah untuk membawa kepada perubahan daripada segi persekitaran. Ini berlaku dengan seseorang manusia itu menganggap tekanan yang dihadapi sebagai suatu kebiasaan setelah cuba menyesuaikan dengan kebiasaan tersebut. Proses yang terlibat dalam penyesuaian ini adalah proses fisiologi dan psikologi dan membentuk standard- standard personal untuk menilai kebiasaan atau tekanan.

Program pembangunan sahsiah yang menekankan aspek emosi seperti kegiatan berpersatuan mampu menjadikan pelajar seorang yang matang dan lebih berkeyakinan. Ini kerana program berbentuk kepimpinan itu dapat membantu pelajar supaya bersedia memikul tugas atau tanggungjawab mereka. Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa kepimpinan merupakan aspek yang terpenting yang perlu ditanam dalam diri pelajar. Kepimpinan merupakan salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia dan apabila seseorang itu berjaya memimpin dirinya dan orang lain kearah kecemerlangan, maka ia merupakan satu kejayaan yang besar (Mohammad Ali Shomali, 2000). Salah satu kegiatan berpersatuan yang memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai tanggungjawab dan kepimpinan sesebuah persatuan adalah Persatuan Mahasiswa Pendidikan.

Selain daripada itu seramai 132 orang responden (97.1%) bersetuju bahawa program Bina Insan Guru yang telah dijalankan ke atas pelajar tahun akhir fakulti pendidikan dapat membina keyakinan diri pelajar. Menurut Azizi Yahaya *et. al.* (2005), keperluan sendiri yang positif akan dapat dipenuhi sekiranya seseorang itu mempunyai keyakinan diri dan kehendak yang ingin disempurnakan. Keperluan manusia ini adalah secara berperingkat dan apabila keperluan pada suatu peringkat dipenuhi maka keperluan pada peringkat yang lebih tinggi pula timbul. Oleh itu keyakinan diri yang lebih tinggi amat diperlukan untuk memenuhi keperluan peringkat tersebut. Menurut Rubiah Aksah *et. al.* (2005), dengan berfikir secara positif anda akan berkeyakinan untuk menghadapi apa- apa sahaja situasi. Oleh itu berfikir secara positif dan elakkan daripada berfikiran negatif.

Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan seramai 121 orang responden (89%) menyatakan program pembangunan sahsiah seperti 'Smart Day' yang dijalankan setiap hari Isnin mampu membuatkan pelajar gembira. Ini adalah kerana berpakaian kemas dan bersih dapat menstabilkan emosi seseorang. Bukan itu sahaja, dengan adanya sesi kaunseling bersama kaunselor yang terdapat di fakulti serta khidmat nasihat daripada penasihat akademik dapat membuatkan pelajar lebih berasa tenteram. Ini adalah kerana pelajar mudah beremosi akibat daripada tekanan yang dihadapi. Kenyataan ini diperkuhkan dengan Rubiah Aksah *et. al.* (2005), yang menyatakan bahawa boleh dikatakan semua orang di dunia ini mengalami gangguan emosi. Cuma bezanya samada gangguan itu ditangani secara emosional atau rasional. Oleh itu pelajar memerlukan bimbingan untuk menanganinya secara rasional.

Salah satu bentuk aktiviti melibatkan aspek emosi adalah lawatan sambil belajar. Tidak dinafikan program rasmi pembelajaran secara formal ini kebanyakannya diadakan di dalam bilik darjah dan dewan kuliah. Seperti yang diketahui, persekitaran memainkan peranan yang penting dalam pembangunan akademik pelajar. Oleh itu, amat sesuai sekiranya program seperti lawatan sambil belajar dijadikan salah satu program pembangunan sahsiah pelajar. Ini kerana program sebegini dapat merangsang dan membimbing pelajar ke arah meningkatkan prestasi akademik. Pelajar tidak akan merasa bosan mempelajari matapelajaran tersebut.

Sebelum ini memperkatakan tentang pembangunan fizikal tetapi untuk mencapai kekuatan fizikal itu memerlukan usaha untuk membina kekuatan dalaman. Kekuatan dalaman itu perlu di bina melalui aktiviti yang mengkombinasikan aktiviti riadah fizikal dan spiritual. Pengisiannya adalah berbentuk mengadakan

pertandingan dalam kegiatan kokurikulum mampu membuatkan pelajar berasa seronok. dan pendapat ini dipersetujui seramai 114 orang pelajar iaitu (83.8%).

Oleh itu secara keseluruhannya, jelas menunjukkan pelajar- pelajar tahun 4 PTK yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/ Elektrik/ Jentera/ Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia menganggap bahawa Program Pembangunan Sahsiah Pelajar yang menekankan aspek emosi adalah salah satu program yang penting untuk membina dan menstabilkan emosi pelajar.

Mengenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di UTM dari aspek Rohani.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, persetujuan responden dengan program pembangunan sahsiah daripada aspek rohani adalah berada pada tahap tinggi iaitu 3.98. Penekanan terhadap program yang mementingkan aspek kerohanian wajar diberikan secara berterusan kepada pelajar supaya dapat membentuk akhlak dan keperibadian yang baik. Ini menunjukkan bahawa program pembangunan sahsiah yang menekankan aspek ini tidak pernah dipinggirkan. Seramai 127 orang responden (93.4%) bersetuju bahawa dengan program kepimpinan mampu membentuk peribadi pelajar menjadi lebih positif.

Menurut Abdul Jalil Borham (1996), manusia perlu dilatih supaya memasang niat yang betul, berusaha dengan tekun dan ketrampilan yang diperlukan, sesuai dengan sifat itqan yang dianjurkan oleh Islam. Program daripada aspek kerohanian ini wajar diberikan secara berterusan supaya dapat membantu pelajar mendapat bimbingan untuk membentuk sikap yang baik atau positif di dalam diri dan menjauhi kemungkaran atau perkara yang dilarang dalam Islam. Antara aktiviti program pembangunan sahsiah yang menekankan aspek kerohanian adalah aktiviti berbentuk keagamaan seperti ceramah agama dan solat hajat, aktiviti kebajikan seperti menderma, bergotong- royong, program keilmuan, aktiviti kepimpinan seperti kegiatan berpersatuan, minggu pendidik serta bimbingan daripada penasihat akademik.

Daripada kajian yang telah dijalankan, seramai 123 orang responden (90.5%) telah menyatakan bahawa aktiviti berbentuk keagamaan seperti solat hajat dapat melahirkan barisan pelajar yang kukuh keimanan dan moral. Ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung pelajar dapat memantapkan tahap keimannya. Kenyataan ini dapat disokong oleh Jawariah Zaabar (2007), yang menyatakan bahawa kesedaran dalam diri sendiri untuk memelihara agama dan keimanan menjadi faktor utama yang mempengaruhi pembentukan akhlak dan cara hidup mahasiswa yang mengikut acuan islam yang sebenar.

Selain daripada itu dengan melibatkan diri dengan program kebajikan seperti menderma juga dapat menjadikan pelajar seorang yang positif iaitu prihatin terhadap orang yang memerlukan bantuan. Program seperti ini dikenali juga sebagai program kemasyarakatan yang dapat meningkatkan tahap kerohanian pelajar. Salah satu bentuk aktiviti dibawah Program Pembangunan Kemasyarakatan yang bersesuaian dengan pelajar yang sering dilaksanakan adalah seperti bergotong- royong. Daripada kajian yang telah dibuat menunjukkan pendapat ini disokong oleh pelajar seramai 108 orang responden (79.5%). Ini menunjukkan bahawa bukan sahaja dengan pendedahan terhadap aktiviti berbentuk keagamaan dapat meningkatkan tahap kerohanian pelajar tetapi program kemasyarakatan juga dapat membina aspek tersebut dalam diri para pelajar.

Selain daripada itu, menurut Asnarul Khadi (2003), di dalam pembangunan kemasyarakatan kepentingan bersama lebih dipentingkan daripada kepentingan individu. Setiap individu perlu mempunyai motivasi, di samping membentuk dan mengamalkan semangat daya juang yang tinggi dan inginkan kemajuan yang

berkekalan. Sebelum ini berlaku, kesedaran di kalangan pelajar perlu ada dan disemarakkan lagi dengan memberikan pendedahan melalui program- program yang dirancang supaya mereka benar- benar tahu apa masalah atau keperluan mereka dan masyarakat dipersekitaran sebenar.

Oleh itu secara keseluruhannya, jelas menunjukkan pelajar- pelajar tahun 4 PTK yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/ Elektrik/ Jentera/ Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia menganggap bahawa Program Pembangunan Sahsiah Pelajar yang menekankan aspek rohani adalah salah satu program yang penting untuk membina dan membangunkan kerohanian pelajar.

Mengenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar di UTM dari aspek Intelek.

Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap program pembangunan sahsiah pelajar daripada aspek Intelek berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min 4.13. Ini menunjukkan bahawa pelajar merasakan program pembangunan sahsiah pelajar yang menekankan aspek Intelek adalah antara program yang penting untuk membentuk dan membangunkan sahsiah pelajar. Menurut Jamaludin *et. al.* (1996), sesuatu program pembangunan pelajar perlu mempunyai matlamat yang jelas supaya dapat menentukan bentuk pelajar yang ingin dilahirkan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti program keilmuan, kepimpinan,ceramah, pameran, forum atau diskusi, motivasi, seminar dan kokurikulum.

Daripada kajian yang dijalankan, seramai 127 orang responden (93.4%) menyatakan bahawa program keilmuan di UTM mampu meningkatkan tahap intelektual seseorang pelajar. Ini bersesuaian dengan kenyataan Maimunah Ismail (1998) yang menyatakan bahawa kepentingan pendidikan dalam kehidupan tidak perlu dipertikaikan lagi. Pendidikan yang diterima oleh seseorang individu secara formal dan bukan formal. Menurut Syed Hussein Al Atas (1991), Kaum intelektual sebagai kelompok sosiologis hendaklah dibezakan daripada kaum intelegensia. Dengan 'Intelegensia' merupakan mereka yang mengalami pendidikan formal yang tinggi dan moden, pakar dan professional dan mereka yang memperoleh pendidikan peringkat tinggi dengan cara yang lain. Dengan ilmu yang dipelajari daripada pembelajaran peringkat tersebut menjadi seseorang itu intelek.

Selain daripada itu, program kepimpinan merupakan satu program yang bertujuan membantu pelajar bersedia sebelum memikul sesuatu tugas atau tanggungjawab sepanjang sesi pembelajaran di UTM. Seramai 124 orang pelajar (91.1%) berpendapat bahawa program kepimpinan di UTM dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Ini adalah kerana kepimpinan merupakan salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia dan dapat mencorakkan pemikiran yang baik. Pelajar memerlukan bimbingan untuk menguasai kemahiran berfikir yang konstruktif melalui kepimpinan. Ini bersesuaian dengan kenyataan Wan Mohd Nor (1993), bahawa kemahiran berfikir dan kemahiran konstruktif pelajar mestilah dididik menggunakan daya fikir yang tinggi dan mempunyai modal intelektual yang tinggi menghadapi era globalisasi.

Salah satu aktiviti yang dapat memberangsangkan lagi minda pelajar adalah program motivasi berbentuk akademik. Seramai 131 orang pelajar (96.3%) yang bersetuju bahawa program motivasi akademik dapat memberangsangkan lagi minda pelajar. Bukan itu sahaja ilmu pengetahuan akan bertambah daripada sebelumnya. Ini telah dipersetujui oleh Syed Hussein Al Atas (1991), yang menyatakan bahawa ciri utama bukan intelektual adalah tidak adanya kemahuan berfikir dan tidak mampu melihat akibat. Jadi intelektual bukan sahaja berpengetahuan lebih banyak, tetapi juga mempunyai kemampuan dan kemahuan berfikir dan mengetahui segala akibat daripada setiap tindakan.

Daripada kajian yang dijalankan seramai 129 orang pelajar (94.8%) bersetuju bahawa ceramah tentang kerjaya dapat meningkatkan tahap pengetahuan pelajar tentang sesuatu bidang pekerjaan. Dengan pendedahan ini dapat meningkatkan minat pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan kerjaya yang ingin diceburi. Manakala maklumat yang disampaikan melalui program ini adalah tepat dan betul berbanding maklumat yang diterima daripada rakan- rakan atau media massa dan elektronik. Dengan ini pelajar boleh membuat pilihan yang tepat tentang kerjayanya.

Oleh itu secara keseluruhannya, jelas menunjukkan pelajar- pelajar tahun 4 PTK yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/ Elektrik/ Jentera/ Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia menganggap bahawa Program Pembangunan Sahsiah Pelajar yang menekankan aspek intelek adalah salah satu program yang penting untuk membina dan membangunkan keintelektualan pelajar.

Rumusan

Berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan, kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar tahun 4 PTK yang sedang mengikuti Program Ijazah sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/ Elektrik/ Jentera/ Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia terhadap program pembangunan sahsiah pelajar daripada aspek Jasmani, Emosi Rohani dan Intelek (JERI). Responden telah digunakan dalam kajian ini adalah seramai 134 orang yang terdiri daripada pelajar tahun 4 PTK Program Ijazah sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/ Elektrik/ Jentera/ Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Kesimpulan daripada kajian yang telah dijalankan adalah:

1. Program Pembangunan Sahsiah Pelajar yang menekankan aspek jasmani dianggap penting oleh pelajar untuk membina dan membangunkan jasmani pelajar.
2. Program Pembangunan Sahsiah Pelajar yang menekankan aspek emosi dianggap penting oleh pelajar untuk membina dan menstabilkan emosi pelajar.
3. Program Pembangunan Sahsiah Pelajar yang menekankan aspek rohani dianggap penting oleh pelajar untuk membina dan membangunkan kerohanian pelajar.
4. Program Pembangunan Sahsiah Pelajar yang menekankan aspek intelek dianggap penting oleh pelajar untuk membina dan membangunkan keintelektualan pelajar.

Rujukan

Ab. Alim Abdul Rahim (1994). *Pengurusan Kokurikulum*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdul Jalil Borham *et. al* (1997). *Program Pembangunan Sahsiah Pelajar Dan Perlaksanaannya Di IPT di Malaysia*. Laporan Akhir Rancangan Penyelidikan Jangka Pendek di bawah Unit Penyelidikan Dan Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Abdul Jalil Borham (1996). *Program Pembangunan Sahsiah Pelajar Melalui Aktiviti Usrah Dan Famili (AUFA) : Perlaksanaannya Di Kampung Merbau UTM*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

- Abdul Jalil Borham (1998). *Program Pembangunan Sahsiah Pelajar Dan Perlaksanaannya Di IPT DI Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Abdul Razak Ahmad (2005). *Mahasiswa Abad 21*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Nawawi bin Adnan (2007). *Pilihan Dan Bentuk Aktiviti Program Pembangunan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia : Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projaek Sarjana Muda.
- Ahmad Zaharudin Idrus (2001). *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Al- Ramaiah (1992). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Asnarul Khadi Abu Samah (2003). *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang : Universiti Putra Malaysia
- Asifa binti Ishak (2003). *Perlaksanaan Program Pembangunan Sahsiah Dikalangan Pelajar Dalam Aspek Kerohanian Satu Kajian Dikalangan Mahasiswa Islam Kolej Tun Razak*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Azizi Yahaya *et. al* (2006). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur : Pencetakkan Zafar Sdn. Bhd.
- Dato Dr. Mohd Fadzillah Kamsah *et. al* (2004). *Merancang Kejayaan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur.: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dr. Abdul Rahman Abdullah (2003). *Menjadi Intelektual*. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.